

06 AUG 2001

Mahathir-Kapal Selam

MALAYSIA BELUM TETAPKAN JENIS KAPAL SELAM UNTUK DIBELI

LUMUT, 6 Ogos (Bernama) -- Kerajaan belum menetapkan jenis kapal selam yang akan dibeli tetapi akan memberi keutamaan kepada yang mempunyai keupayaan tempatan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, kerajaan akan menitikberatkan keupayaan dan penglibatan tempatan sebelum membuat keputusan.

"Kata putus hendak beli memang ada. Kita berminat pada semua," katanya ketika ditanya sama ada kerajaan telah membuat keputusan untuk membeli dua buah kapal selam terpakai yang sedang diperbaiki di PSC-Naval Dockyard di sini.

Ketika ditanya sama ada pembelian kapal selama terpakai akan membahayakan krew Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Dr Mahathir menjawab : "Yang ini belum boleh belayar. Ia boleh diperbaiki."

Perdana Menteri berkata demikian pada satu sidang media di akhir lawatan sehari ke TLDM di sini, yang termasuk melawat kapal selam itu dan merasmikan Hospital Angkatan Tentera Lumut.

Yang turut hadir Menteri Besar Perak Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Panglima Angkatan Tentera Malaysia Jen Tan Sri Mohd Zahidi Zainuddin.

PSC-Naval Dockyard baru-baru ini diberi kontrak oleh syarikat dari Belanda, RDM Submarines NV untuk membaik pulih dan meningkatkan keupayaan dua kapal selama konvensyenal, Zwaardvis dan Tijgerhaal.

Mengenai lawatan beliau ke pangkalan itu, Dr Mahathir berkata beliau begitu kagum dan bangga dengan kemajuan yang dicapai.

"Kali terakhir saya datang pada tahun 1984. Saya kagum dengan bilangan bot yang banyak, besar dan canggih," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau yakin dengan kebolehan anggota-anggota TLDM menguasai teknologi baru peperangan dan keupayaan mereka mempertahankan negara dengan berkesan.

Mengenai PSC-Naval Dockyard, Dr Mahathir berkata ia telah menunjukkan kemajuan yang membanggakan dan bilangan kakitangannya juga bertambah daripada 280 orang semasa diambil alih oleh PSC kepada 1,200 orang sekarang.

"Kini ia bukan sekadar buat repair dan penyenggaraan sahaja, malah buat kren dan kontena kren," katanya.

-- BERNAMA

AR KAY AHH MAI